



**SIARAN AKHBAR
MESYUARAT JAWATANKUASA TERTINGGI
SAMBUTAN HARI KELUARGA KEBANGSAAN 2018**

Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) yang diraikan pada hari Ahad di minggu pertama bulan Mei tahun ini akan jatuh pada 6 Mei 2018 bersamaan dengan 20 Sya'ban 1439 dengan tema “*Keluargaku Penyayang Negara Gemilang*”.

Sebagai persediaan untuk menyambut HKK kali ke-tujuh yang akan berlangsung 96 hari lagi, Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan telah mengadakan mesyuarat pertama pada hari ini di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Md. Yussof, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan. Turut hadir ahli-ahli dan wakil ahli yang terdiri wakil Pemerintah Angkatan Bersenjata DiRaja Brunei, wakil Pesuruhjaya Jabatan Polis DiRaja Brunei, setiausaha-setiausaha tetap; timbalan-timbalan setiausaha tetap; ketua-ketua jabatan; pengarah-pengarah; pegawai-pegawai kanan kerajaan; dan juga wakil-wakil daripada sektor swasta dan organisasi-organisasi bukan kerajaan.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Md. Yussof dalam mukadimah pengerusi menekankan bahawa Sambutan HKK merupakan satu wadah untuk menyatukan usaha secara *whole of nation* bagi menyampaikan mesej mengenai kepentingan keharmonian dan pengukuhan keluarga untuk mengatasi segala cabaran. Ianya juga merupakan satu komitmen berterusan negara dalam menyumbang keamanan, kemakmuran, kestabilan, dan kemajuan negara pada mencapai Wawasan 2035.

Tema sambutan HKK kali ke-tujuh ini dikekalkan seperti sambutan HKK kali ke-enam iaitu “*Keluargaku Penyayang Negara Gemilang*”. Fokus utama sambutan tahun ini adalah untuk meningkatkan kesedaran betapa pentingnya rasa kasih sayang diantara ketua dan ahli-ahli keluarga untuk menjana kebahagiaan dan keharmonian keluarga dan rumahtangga yang sakinah, mawaddah, dan warahmah. Inisiatif ini masih relevan untuk diteruskan dan ditangani dengan tambahan pencegahan penyalahgunaan dadah sebagai salah satu faktor keganasan rumahtangga. Sebagai langkah untuk kesempurnaan sambutan HKK tahun ini, ujar Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan telah bersidang lebih awal bagi persediaan yang lebih mantap dan perancangan yang lebih teratur.

Antara lain yang dibincangkan dalam mesyuarat pagi tadi adalah mengenai format acara-acara utama Sambutan HKK 2018 yang menjurus kepada aktiviti keagamaan, kemasyarakatan,

kesukuan dan riadah yang melibatkan setiap ahli keluarga di segenap lapisan masyarakat. Mesyuarat juga telah berbincang mengenai perkara-perkara yang berhubung kait dengan sambutan HKK tahun lepas termasuk keberhasilan dan memperbaiki acara-acara dan aktiviti-aktiviti sambutan, dengan mengambil kira penglibatan langsung lebih ramai masyarakat awam.

Sambutan HKK 2018 seperti tahun yang lalu akan diadakan secara sepadu oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Kementerian Kesihatan serta penglibatan aktif daripada agensi kerajaan yang lain, pihak swasta, dan Persatuan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGOs) melalui pendekatan *whole of nation*.

Sehubungan dengan itu, bagi menjayakan sambutan pada tahun ini, Yang Berhormat Pehin Pengerusi menggesa semua pihak sama ada dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, pihak swasta, pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan, institusi-institusi, para penghulu dan ketua kampung serta pemimpin akar umbi masyarakat, diseru untuk berganding dan terus sama-sama bekerjasama dalam memberikan komitmen yang sepadu, terutama sekali dalam menggerakkan acara-acara sambutan, sama ada di peringkat kebangsaan, daerah, mukim atau kampung masing-masing, mahupun di peringkat organisasi, persatuan, masyarakat, ataupun kumpulan keluarga masing-masing dalam aspirasi negara iaitu keharmonian dan perpaduan keluarga serta mesyarakat yang menyumbang ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Tamat

Dikeluarkan oleh:

Urus Setia Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2018
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam
Tarikh: 13 Jamadilawal 1439/ 30 Januari 2018